

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**KAWASAN** : **MARANG**  
**NO. SOALAN** : **435**

**SOALAN**

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa nilai perdagangan Malaysia dengan Myanmar, jumlah wang Malaysia yang mengalir keluar ke Myanmar melalui tenaga kerja asing dari negara itu dan jumlah syarikat Malaysia termasuk syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Malaysia (GLC) yang melabur di negara itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2016, Myanmar merupakan rakan dagang ke-33 terbesar Malaysia dan ke-6 di rantau ASEAN. Jumlah dagangan di antara Malaysia dan Myanmar pada tahun 2016 meningkat sebanyak 26.6% berbanding tahun 2015 dengan nilai dagangan mencapai RM4.7 bilion (0.3% daripada jumlah dagangan Malaysia). Pada tahun yang sama, jumlah eksport Malaysia ke Myanmar bernilai RM3.9 bilion (0.5% daripada jumlah eksport Malaysia), meningkat sebanyak 28.1%

berbanding tahun 2015. Sementara itu, jumlah import dari Myanmar ke Malaysia adalah sebanyak RM824.1 juta (0.1% daripada jumlah import Malaysia) pada tahun 2016, dengan peningkatan sebanyak 20% berbanding tahun sebelumnya.

2. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada *Department of Investment and Company Administration* (DICA) Myanmar, terdapat 328 syarikat Malaysia yang beroperasi di Myanmar dengan jumlah pelaburan langsung asing terkumpul daripada Malaysia ke Myanmar bagi tahun 1988 hingga 2016 adalah sebanyak USD1.9 bilion. Daripada 328 syarikat Malaysia yang beroperasi di Myanmar tersebut, terdapat 53 syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Malaysia (GLC) yang melabur di Myanmar. Malaysia merupakan pelabur ketujuh terbesar di Myanmar dan antara syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan di Myanmar adalah PETRONAS, Tan Chong Motors, Ho Hup Constructions, Malaysia Airlines, Air Asia dan Parkson.

Tuan Yang di Pertua,

3. Sehingga 30 September 2017, sebanyak 1,732,944 pekerja asing telah dicatatkan di Malaysia. Daripada jumlah berikut, sebanyak 619,658 pekerja asing adalah dari sektor pembuatan, dimana sebanyak 87,885 merupakan warganegara Myanmar (70,890 lelaki dan 16,995 perempuan). Dengan jumlah pekerja asing tersebut, sebanyak RM14.1 bilion wang Malaysia telah mengalir keluar ke negara asal pekerja-pekerja asing tersebut bagi separuh pertama tahun 2017 berdasarkan data yang diperoleh dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.